

→ ISU

KERAJAAN KEKAL SYARAT LULUS BM PEGAWAI PERUBATAN KONTRAK

'BM pupus tempoh 30 tahun'

→ Jika tiada usaha serius, berterusan diambil ditakuti bahasa rojak jadi pengganti

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Seorang pakar antropologi sosial meramalkan Bahasa Melayu (BM) standard akan pupus dalam tempoh 30 tahun jika tiada usaha serius dan berterusan diambil untuk memartabatkannya.

Pensyarah Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Sarjit Singh Darshan Singh, berkata dalam tempoh itu BM akan diganti dengan bahasa baharu iaitu, bahasa rojak.

"Realiti hari ini adalah cabaran yang sangat besar kepada BM dan kerajaan perlu memainkan peranan lebih besar serta bersungguh-sungguh dalam hal ini.

"Antara langkah adalah mem-

beri lebih banyak ruang kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk memainkan peranannya. DBP ditubuhkan dengan aktanya sendiri bertujuan untuk menggerak dan memartabatkan BM sebagai bahasa kebangsaan, rasmi dan ilmu," katanya kepada BH.

Tak salah guna bahasa Inggeris

Sarjit berkata, tidak salah menggunakan bahasa Inggeris kerana ia bahasa antarabangsa tetapi jangan sampai meniadakan hak bahasa Melayu.

Katanya, BM mempunyai potensi dan mampu menjadi bahasa antarabangsa, misalnya bermula sebagai bahasa ASEAN.

"Dalam hal ini kita lihat bagaimana kerajaan Indonesia boleh mengangkat kedudukan bahasa Melayu dan mengapa kerajaan kita tidak komited untuk berbuat de-

mikian?"

"Di negara ini, dasar dan realiti adalah berbeza. Masyarakat tidak menghormati bahasa Melayu, malah orang Melayu sendiri tidak ambil peduli terhadap bahasa Melayu. Di Parlimen, kita boleh lihat ahli politik berdebat dengan bahasa Melayu rendah," katanya.

Sarjit berkata, BM perlu dihormati sebagai bahasa kebangsaan seperti termaktub dalam Perlembagaan, namun sejak beberapa tahun ini kedudukannya semakin terhakis sama ada dalam sektor awam atau swasta.

"Kita bercakap tentang memartabatkan bahasa kebangsaan tetapi kita sibuk mempromosikan bahasa Inggeris, ia dasar yang tidak selari.

"Di universiti, kebanyakan subjek diajar dalam bahasa Inggeris termasuk geran penyelidikan, malah temu duga naik pangkat pun dalam bahasa Inggeris," katanya.



Realiti hari ini adalah cabaran yang sangat besar kepada BM dan kerajaan perlu memainkan peranan lebih besar serta bersungguh-sungguh dalam hal ini"

Sarjit Singh Darshan Singh,
Pensyarah Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Universiti Putra Malaysia